NO SOALAN :50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**
		(SETIU)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**06.04.2015**

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengawal cubaan spekulator untuk menjatuhkan nilai Ringgit Malaysia yang boleh memberi kesan buruk terhadap pelaburan di negara ini.

JAWAPAN

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September

2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

3. Selain itu, BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang

berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti purata harian bagi pasaran mata wang Malaysia juga adalah besar dan berjumlah dolar AS 11.8 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, jika berdasarkan jumlah transaksi yang sebegitu besar, kemungkinan bagi seseorang individu untuk mempengaruhi nilai ringgit adalah amat kecil.

5. Dalam keadaan pergerakan nilai mata wang ringgit sedia ada, ekonomi negara tidak tergugat dengan aktiviti sabotaj kewangan atau ekonomi sebegini kerana ekonomi negara kekal berada pada landasan pertumbuhan yang mapan serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh, kadar inflasi yang terkawal serta rizab antarabangsa yang tinggi. Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai

pengawal selia, dengan izin, *regulator* termasuk agensi Kerajaan dan BNM sentiasa berwaspada dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj kewangan dan ekonomi negara.